

Ketengah elemen 'internet of thing'

Jayakan Smart City



OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Persidangan Antarabangsa Smart City memberi peluang kepada pemain industri bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam usaha merealisasikan Selangor ke arah 'Smart State', pada Disember ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Teknologi Informasi dan E-Dagang Selangor (SITEC), Yong Kai Ping berkata, pemain industri dapat mengetengahkan pengetahuan atau penyelesaian, sekali gus membantu Kerajaan Negeri. "Ia sebagai landasan untuk menggalakkan mereka bersama Kerajaan Negeri membangunkan industri ini. Saya fikir, kita

mencari 'service provider' untuk diketengahkan dan sesetengahnya untuk dibawa ke luar negara.

"Justeru, pertemuan ini penting untuk kita berbincang dan memahami trend juga penyelesaian yang boleh diguna pakai," katanya kepada SelangorKini, di sini, baru-baru ini.

Penganjuran Persidangan Antarabangsa Smart City 2016 yang bakal berlangsung di Hotel Saujana, Shah Alam itu mendapat kerjasama Kerajaan Negeri, Pengerusi Menteri Besar (MBI), Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) dan SITEC.

Kai Ping berkata, persidangan itu bakal memberi pende-

dahan berkenaan 'Internet Of Things' dan model 'Big Data Analytics', di samping berkongsi pengalaman, pengetahuan serta membina jaringan hubungan dengan negara lain.

"Pembangunan 'Smart City' di India dan Barcelona adalah projek besar bukan hanya melalui pihak kerajaan sahaja tetapi penyertaan daripada pihak swasta turut memainkan peranan penting.

"Perkhidmatan yang diperlukan akan mengurangkan beban harian, jadi saya fikir teknologi 'Smart City' akan membuatkan rakyat gembira, jadi sudah tentu kita perlu menuju ke arah itu," katanya.

Pelajar INPENS tamat program Usahawan Smart

KUALA SELANGOR - Seramai 15 pelajar Kolej Antarabangsa INPENS berjaya menamatkan program Usahawan Smart INPENS anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Pemangku Ketua Eksekutif INPENS, Ahmad Zabri Mohd Yaman berkata, ia antara usaha melahirkan lebih ramai usahawan kemahiran untuk merencanakan ekonomi negara.

Katanya, usaha itu juga selaras dengan permintaan pasaran kerja yang tinggi terhadap bidang kemahiran.

"Mereka yang menceburi bidang kemahiran boleh terus menjalankan perniagaan tanpa membuka premis.

"Ini kerana bidang kemahiran boleh dijalankan secara 'mobile' dari rumah ke rumah atau melalui dalam talian (online) seperti Facebook atau Instagram," katanya pada Majlis Perasmian Penutup Usahawan SMART INPENS 2016.

Hadir sama, Pengurus Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) PKNS, Azilah Arshad dan wakil ASL Development (M) Group Sdn Bhd, Mohd Rawi Othman.

Berlangsung selama tiga bu-

Mereka yang menceburi bidang kemahiran boleh terus menjalankan perniagaan tanpa membuka premis. Ini kerana bidang kemahiran boleh dijalankan secara 'mobile' dari rumah ke rumah atau melalui dalam talian (online) seperti Facebook atau Instagram

AHMAD ZABRI
Pemangku Ketua Eksekutif INPENS

lan, usahawan INPENS berjaya mencatat hasil jualan berjumlah RM30,131 dengan keuntungan bersih RM15,823.80.

Ia menjadikan INPENS menduduki tempat ketiga mencatat hasil jualan tertinggi daripada empat institusi pengajian tinggi yang terlibat menerusi program Usahawan SMART anjuran PKNS.





LINX
INDUSTRIAL AVENUE @ PANDAMARAN, KLANG

Unit Terhad Sahaja

Reka Bentuk Bangunan Moden yang mengagumkan

Masa dijangka siap sebelum hujung tahun 2016



Diskaun bumiputera sebanyak 10%

64 kaki X 178 kaki dan 72 kaki X 210 kaki | Kilang industri berkembar 1 1/2 tingkat



TERLETAK DI LOKASI YANG STRATEGIK

- 4.5 km ke Pelabuhan Kelang Selatan
- 8.7 km ke Pelabuhan Kelang Utara
- 18 km ke Pelabuhan Kelang Barat
- 15 km ke Pulau Indah
- 6 km ke Pusat Pemborong GM Klang Wholesale City

SESUAI UNTUK PELBAGAI JENIS INDUSTRI

- Kilang industri ringan
- Pejabat pameran
- Pejabat galeri
- Pusat servis kereta
- Gudang dan sebagainya

KESELAMATAN YANG DIPERTINGKATKAN

- Kawasan berpagar
- Berpengawal

603-5635 9188 | **6012-526 9459**
603-5611 3060 | **6012-426 6339**

Pemaju:
Phlox Developments Sdn Bhd (966915-M)
No. 27A, (1st Floor), Jalan SS19/6C, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +603 5635 9188, 5611 3060, 012 526 9459, 012 426 6339 Fax: +603-5636 6187 Email: general@milestones.com.my



PKNS bantu 39,000 usahawan

KUALA SELANGOR - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berjaya membimbing sekurang-kurangnya 39,000 usahawan menerusi program keusahawan anjurannya, sejak 1995.

Pengurus Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) PKNS, Azilah Arshad berkata, ia melibatkan peruntukan RM230 juta bagi membantu usahawan daripada pelbagai bidang.

Azilah berkata, antaranya termasuk pengilang bahan binaan, sub kontraktor bumiputera, peniaga retail, usahawan mahasiswa, usahawan siswazah dan pelajar sekolah menengah serta rendah.

"PKNS berharap dapat terus memainkan peranan aktif dalam menyumbang pembangunan usahawan Selangor yang berdaya saing.

"Kami juga akan meneruskan program sedia ada dan sentiasa mengenal pasti ruang penambahbaikan bagi memastikan matlamat program dicapai," katanya ketika ucapan Perasmian Penutup Program Usahawan SMART INPENS 2016 di Kolej Antarabangsa INPENS, di sini, baru-baru ini.

Pada 1995, PKNS menubuhkan Sekretariat Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) untuk melahirkan usahawan berdaya maju.

Pada 2010, MPPB dijenamakan semula sebagai BPU dengan menumpukan aspek pembudayaan, pembangunan, pemantauan dan jaringan.

Daripada sekadar dua program di bawah MPPB, kini BPU sentiasa aktif melaksanakan 14 program pendidikan keusahawanan.